

**Unsur Dendam Watak Wanita dalam Novel `Misyar` Karya
Norsiah Abd Gapar**

The Element of Women's Revenge in the Novel `Misyar` by Norsiah Abd Gapar

Siti Nurfauzimah Mahri¹
fauzimahmahri@gmail.com

Maslin Jukim/Jukin²
maslin.ukim@gmail.com

^{1,2} Universiti Brunei Darussalam

Received: 11 Mei 2022; Published: 16 December 2022

Cite this article (APA) as:

Mahri, S. N., & Jukim/Jukin, M. (2022). Unsur Dendam Watak Wanita Dalam Novel `Misyar` Karya Norsiah Abd Gapar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 80 - 93.
Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/164>

ABSTRAK

Naratif seperti novel menjadi hambar tanpa adanya konflik. Konflik berperanan untuk menggerakkan plot dan jalan cerita sesebuah karya. Karya novel pasti mengandungi pelbagai konflik yang ingin dikemukakan oleh penulis. Konflik-konflik tersebut terhasil daripada perilaku watak-watak di dalam sesebuah novel. Dalam novel *Misyar* (2018) karya Norsiah Abd Gapar mengemukakan konflik yang tercetus daripada watak-watak utama. Watak-watak utama tersebut adalah golongan wanita yang memiliki unsur dendam. Akibat menyimpan dendam watak-watak utama wanita ini menonjolkan keperibadian yang tidak wajar. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti unsur dendam watak-watak utama wanita yang mendorong berperibadian demikian yang menjadikan konflik sehingga menjadi tunjang dalam menggerakkan plot novel *Misyar* (2018). Unsur-unsur dendam ini berhubung kait dengan keperibadian *indivegou* termasuklah watak-watak utama wanita dalam novel ini. Justeru, kajian ini sesuai untuk mengaplikasikan pendekatan psikologi dikemukakan Sigmund Freud iaitu psikoanalisis. Pendekatan psikoanalisis Freud ini memperlihatkan peringkat peringkat dorongan iaitu *ego*, *ego* dan *superego* terhadap tindakan *indivegou*. Berdasarkan peringkat-peringkat ini konflik-konflik berpunca dari unsur dendam watak utama wanita dalam novel ini juga akan diperbincangkan. Hasil kajian ini merumuskan adanya perkaitan di antara kedua-dua unsur dendam watak utama wanita dan diakhiri dengan kesan yang berlainan. Sekali gus, novel *Misyar* (2018) merupakan karya Norsiah Abd Gapar yang berbeza daripada karya-karya sebelumnya kerana novel ini tidak menampilkan hak golongan wanita.

Kata Kunci: konflik, novel *Misyar*, unsur dendam, Teori Keperibadian, watak utama wanita

ABSTRACT

Without conflict, a narrative like a novel becomes uninteresting. Conflict aids in advancing a work's plot and storyline. The author aimed to convey a variety of conflicts, which are undoubtedly present in the book. The main characters are the source of conflict in Norsiah Abd Gapar's 2018 novel entitled Misyar. The main characters involve women who have an element of revenge. As a result of harboring a grudge, the main female characters show an inappropriate personality. Due to this, this study looked at how the major female characters' desire for revenge motivates their personalities and how it moves the conflict that underpins Misyar's novel plot (2018). These elements of revenge are connected to indivegou's personality, especially the main female characters in this book. Thus, the psychological method known as psychoanalysis, which was advocated by Sigmund Freud, was applied to this study. Freud's psychoanalytical approach shows the levels of impulses which are ego, ego and superego towards individuation. Based on these stages, the conflicts stemming from the revenge element of the main female character in this novel were also discussed. The results of this study concluded that there is a connection between the two elements of revenge in the main female character and ends up with different effects. Unlike her other works, Norsiah Abd Gapar's 2018 novel Misyar does not focus on the rights of women, which makes it unique.

Keywords: conflict, female main character, element of revenge, novel Misyar, Personality Theory

PENGENALAN

Novel adalah salah satu daripada genre karya sastera yang berbentuk prosa yang mengandungi elemen-elemen naratif seperti tema, plot, latar, gaya bahasa, teknik, watak lain-lain (Nurazmi Kuntum, 2000:71). Novel juga memaparkan aspek emosi yang menjadi asas dalam membina watak dan perwatakan (Nur Atiq Syahirah Che Baharudin & Nordiana Hamzah, 2022). Selain itu, tema merupakan salah satu bahagian atau elemen penting dalam membina sesebuah cerita umpamanya novel. Karya sastera seperti novel mempunyai tema tertentu yang ingin disampaikan oleh setiap pengarang. Tema atau persoalan yang sering dibawakan di dalam novel seperti politik, sejarah, keusahawanan, keagamaan, pendidikan dan sebagainya. Tema dan elemen-elemen naratif ini berhubung kait di antara satu dengan yang lain bagi penghasilan sesebuah karya novel. Konflik umpamanya merupakan impak yang terjadi oleh watak-watak yang terdapat di dalam sesebuah novel. Pada masa yang sama, konflik yang terhasil itu berkait rapat dengan perwatakan umpamanya personaliti watak yang menyentuh aspek psikologi. Hal ini dapat dihubungkan dengan aspek watak utama dan watak-watak sampingan kerana kedua-dua jenis watak ini yang menggerakkan plot cerita dan menimbulkan konflik. Pernyataan ini turut disokong oleh Shahnnon Ahmad (1979:64) & Nurazmi Kuntum (2000:103) yang mengatakan bahawa cerita itu tidak akan berlaku tanpa adanya elemen watak kerana ia merupakan nadi bagi keseluruhan karya.

Konflik dalam sesebuah novel menimbulkan pelbagai isu. Isu-isu yang terkandung dalam sesebuah novel memerlukan keintelektualan pembaca untuk mentafsirkannya. Setiap indivegou sebagai pembaca mempunyai berbagai-bagai sisi pandangannya. Hal ini berlaku dalam novel tempatan yang dihasilkan oleh Norsiah Abd Gapar iaitu novel *Misyar* (2018) yang memaparkan beberapa konflik. Konflik-konflik ini menghubungkan dengan watak-watak wanita dalam novel *Misyar* (2018). Hakikatnya, kemunculan beberapa konflik dalam

novel *Misyar* (2018) ini berkait rapat dengan personaliti wanita yang tergambar dalam watak-watak wanita sehingga novel ini menarik perhatian pembaca malah peneliti karya sastera.

PENYATAAN MASALAH

Personaliti atau keperibadian individu berhubung kait dengan cara minda bekerja dan pengalaman. Pengendalian pengalaman yang lalu sama ada secara sedar atau tidak sedar membentuk keperibadian individu. Freud percayai pengalaman sewaktu kecil memproses pembentukan keperibadian pada usia dewasa. Oleh yang demikian, psikologi wanita menerima proses yang sama, terbentuk sejak zaman kanak-kanak lagi (Nancy Chodorow, 1978). Psikologi seseorang wanita itu meliputi pelbagai aspek tidak mengira berada dalam keadaan luaran (tersurat) atau dalaman (tersirat).

Situasi ini tidak terkecuali dalam karya sastera. Dalam penghasilan karya seperti novel pemaparan keperibadian watak itu bersangkut-paut dengan psikologi peribadi pengarang. Ini termasuklah yang berhubung kait dengan konflik batin, pertentangan jiwa, frustrasi, kekecewaan dan harapan, pengalaman-pengalaman yang merawankan dan unsur neurotik (Muhammad Abd Latif, 1984:36). Melalui psikologi wanita ini lahirnya beberapa perasaan yang sukar diungkapkan secara terang-terangan dalam diri seseorang wanita seperti perasaan dendam. Hal ini lebih sukar lagi dalam mentafsirkan keperibadian wanita yang wujud sebagai watak-watak dalam karya. Justeru, perlu ada mekanisme yang dapat membantu untuk mengungkapkan atau menjelaskan perasaan yang tersirat tersebut. Setiap aspek yang dipaparkan secara tersirat ini perlu diteliti dengan menggunakan kaedah yang dapat merungkainya dan untuk persoalan ini pendekatan psikoanalisis menjadi pilihan yang tepat. Pendekatan ini akan menerokai dan memperlihatkan psikologi watak-watak wanita dalam novel *Misyar* (2018) karya Norsiah Abd Gapar sebagai bahan penelitian.

Berbanding dengan novel-novel karya Norsiah Abd. Gapar yang lain, novel *Misyar* (2018) ini agak berbeza sekalipun menampilkan watak-watak wanita. Berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu novel-novel karya Norsiah Abd Gapar lebih didominasi oleh hal feminisme. Akan tetapi novel beliau kali ini memperlihatkan pertentangan tentang imej watak wanita yang bukan memperagakan tentang hak-hak wanita. Justeru, kajian ini menumpukan terhadap psikologi keperibadian watak wanita tidak terkawal yang menimbulkan perasaan kecewa dan mengakibatkan dendam. Perasaan dendam watak-watak wanita di dalam novel ini merupakan penggerak bagi plot cerita yang menimbulkan pelbagai konflik. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti dan menganalisis unsur dendam dalam watak dan perwatakan wanita dalam novel ini dengan menggunakan pendekatan psikoanalisis.

OBJEKTIF

Kajian ini akan dijalankan untuk mencapai beberapa objektif iaitu:

- i. Mengemukakan konflik-konflik dalam plot novel *Misyar* dan hubungannya dengan personaliti dan psikologi watak wanita.
- ii. Menghuraikan psikologi wanita yang tidak terkawal dalam watak-watak utama wanita dan kehendak yang tidak terisi memberi kesan terhadap tindakan yang tidak seimbang.

SOROTON LITERATUR

Setakat ini belum ada kajian tentang novel *Misyar* (2018). Sungguhpun tidak ada dalam bentuk buku, jurnal, majalah dan sumber maya (internet), namun terdapat sebuah esei pertandingan yang bertajuk “Novel *Misyar* Suatu Analisis Ginokritik” oleh Siti Nadhrah Norzelan. Esei ini memenangi tempat pertama dalam Peraduan Penulisan Esei Ilmiah bagi Jurnal *Pangsura* 2020/2021. Walau bagaimanapun, esei hasil peraduan ini masih dalam bentuk manuskrip dan masih dalam simpanan pihak penganjur. Berdasarkan pada tajuk esei peraduan ini adalah diyakini tidak menyamai dengan tulisan kajian yang sedang dilakukan. Ruang lingkup esei peraduan ini dalam lingkungan cabang teori feminisme. Berbanding dengan tulisan kajian yang sedang dijalankan ini menentang hasil penulisan karya novel *Misyar* (2018) karya Norsiah Abd Gafar ini sebagai hasil perjuangan golongan wanita atau feminisme seperti karya-karyanya sebelum ini.

Terdapat beberapa kajian yang pernah mengkaji karya-karya penulisan Norsiah Abd. Gafar, yang menggunakan teori yang sama iaitu psikoanalisis. Salah satunya ialah kajian Suhaili Jumat (2002) yang mengkaji novel *Pengabdian* dengan menggunakan teori psikoanalisis Sigmund Freud. Kajian ini lebih berfokuskan terhadap watak utama dalam novel *Pengabdian* dan dikaitkan dengan pengalaman dan latar belakang pengarang. Suhaili Jumat (2004) juga mengkaji unsur kejiwaan watak dalam novel *Pengabdian* dengan menggunakan teori psikonanalisis Sigmund Freud. Kajian ini menunjukkan bahawa watak Siti Nur bertanggungjawab terhadap tugas, penyayang, ambil peduli terhadap perkembangan semasa, hubungannya dengan rakan sejawat dan matlamatnya sebagai seorang doktor.

Selain itu, terdapat teori feminisme yang menjadi pilihan peneliti tempatan terhadap karya Norsiah Abd Gafar dan penulis-penulis tempatan yang lain. Antaranya, kajian Sharyanty Md. Sharif (2019) meneliti aspek penulisan sastera karya pengarang wanita iaitu dengan menggunakan pendekatan ginokritik. Teori ginokritik ini digunakan sebagai landasan utama beliau dalam mengupas unsur-unsur ginokritik yang ada dalam novel *Gerun*. Beliau mengkaji dengan menyentuh empat model utama pendekatan ginokritik iaitu; Model Penulisan Wanita dan Biologi Wanita, Model Penulisan Wanita dan Bahasa Wanita, Model Penulisan Wanita dan Psikologi Wanita dan Model Penulisan Wanita dan Budaya Wanita. Kajian beliau ini adalah sebagai rujukan sampingan untuk membuktikan bahawa pengkaji-pengkaji lepas lebih cenderung untuk mengkaji novel-novel Norsiah Abd. Gafar dari aspek feminisme.

Namun, teori yang diaplikasi dalam kajian yang akan dilakukan bukan dalam korpus mendepankan golongan wanita. Isu yang dikemukakan dalam novel *Misyar* (2018) ini banyak ditemui dalam hasil penulisan bukan tumpuan bahan karya sastera tetapi bentuk esei atau artikel umum berhubung dengan misyar. Andesa Julesia Lesmana (2019) yang menganalisis hak dan kewajiban suami isteri. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian lapangan dan kaedah kepustakaan. Kajian ini tentang keterangan cara hak dan kewajiban suami isteri dalam perkahwinan misyar. Selain itu, kajian turut membuat perbandingan antara perkahwinan biasa dan perkahwinan misyar. Walaupun isu utama bukan mengenai nikah misyar, namun perlunya pengetahuan dan pemahaman mengenai kahwin misyar untuk dikaitkan dengan konflik wanita yang akan dianalisis.

Untuk memahami lebih dekat tentang pendekatan psikoanalisis ini, Michael Jacobs (1992) membicarakan mengenai latar belakang dan kehidupan pengasas bagi teori keperibadian psikoanalisis iaitu Sigmund Freud berkaitan keterangan-keterangan mengenai teori keperibadian Sigmund Freud iaitu; *id*, *ego* dan *superego*. Teori ini juga menurut Abdul

Halim Ali (2011) memberi penekanan kepada idea pemikiran bawah sedar. Kajian ini menjadi sandaran untuk memahami lebih mendalam tentang teori keperibadian psikoanalisis. Kajian berkaitan unsur dendam pernah dilakukan oleh Mazfazillah Maikal (2020) yang mengkaji motif dengki dalam sastera tradisional. Kajian ini memfokuskan kepada cerita-cerita dongeng teladan di dalam buku *Kilalai Folklor Kitani: Patuturan Dongeng Teladan* (Maslin Haji Jukim, 2018) menganalisis motif dengki watak-watak antagonis dengan menggunakan teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud. Kajian ini membahagikan tiga jenis motif dengki iaitu; dengki yang sia-sia, dengki yang memberi kesan kepada orang lain dan dengki yang memberi kesan kepada diri sendiri. Kajian ini dapat dijadikan garis panduan bagi menganalisis dan merungkai unsur dendam watak wanita dalam novel *Misyar* karya Norsiah Abd Gapar dengan menggunakan teori psikoanalisis.

METODOLOGI KAJIAN

Novel *Misyar* (2018) karya Norsiah Abd Gapar mengetengahkan konflik watak-watak utama wanita; Fatin Az-Zahra dan Maria (Cindai). Watak-watak ini menjadi punca utama terhadap konflik-konflik yang berlaku di dalam novel ini. Bagi menjelaskan berlakunya keadaan perilaku watak-watak utama wanita dalam karya dianalisis dengan menggunakan teori psikoanalisis Sigmund Freud. Teori psikoanalisis ini diperkenalkan oleh Sigmund Freud pada tahun 1879 di Jerman. Sigmund Freud telah membahagikan struktur keperibadian manusia kepada tiga struktur iaitu; *id*, *ego* dan *superego*. Ketiga-tiga struktur ini amat penting dalam membentuk personaliti manusia kerana saling berkait-rapat antara satu sama lain. Teori ini berperanan untuk menjelaskan tentang perkembangan dan tujuan tersembunyi dalam keperibadian seseorang manusia (Helaluddin & Syahrul Syawal, 2018; Muhammad Abd. Latif, 1984:34).

Id

Istilah 'Id' adalah berasal daripada perkataan Latin iaitu "Is". Freud menyebutkan keperibadian ini sebagai keperibadian yang wujud dari sejak lahir iaitu berada di bahagian bawah sedar manusia. Selain itu, Jacobs (1992:57), menyatakan bahawa *id* adalah personaliti yang terselindung dalam diri seseorang, iaitu personaliti yang dapat dikawal oleh diri seseorang. Di dalam *id* terdapat suatu dorongan yang menarik seseorang untuk melakukan sesuatu perkara bagi kepuasan diri sendiri walaupun melangkaui batas nilai-nilai norma kehidupan (Jacobs, 1992:58). Tambahan lagi, *id* wujud berdasarkan kepada gambaran nafsu, hasrat seksual dan perasaan *superior* (ingin berkuasa) ataupun hasrat ingin memiliki sesuatu.

Ego

Aspek keperibadian ini terjadi akibat pengaruh yang terdapat daripada perkara yang terjadi di dunia ataupun dalam lingkungan masyarakatnya. Contohnya, disebabkan oleh aspek budaya ataupun agama. Jacobs (1992:58), menjelaskan bahawa *ego* berfungsi untuk menghapuskan idea-idea yang bertentangan dengan moral kehidupan. Freud telah mengatakan bahawa keperibadian *ego* ini terbentuk daripada sebahagian keperibadian *id*, tetapi telah diubahsuai oleh energi yang ada pada *id*. Ciri utama yang terdapat daripada aspek ini ialah; *ego* berperanan dalam mengatur *id* dan juga *superego* untuk memenuhi keperluan yang sesuai dengan kepentingan keperibadian yang terlibat. Keperibadian ini amat berbeza dengan *id*

yang hanya mementingkan diri sendiri. Manakala, *ego* merupakan aspek yang mementingkan keperluan yang lebih luas iaitu keperluan yang tidak mementingkan diri sendiri.

Superego

Superego adalah elemen yang memainkan peranan paling penting dalam teori keperibadian Sigmund Freud (Jacobs, 1992:58). *Superego* berperanan dalam melarang dan memerintahkan *ego* untuk menindas personaliti *id* yang terdapat dalam diri seseorang (Leahey, 1991:101). Aspek keperibadian *superego* berkaitan dengan moral ataupun nilai kehidupan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Peranan *superego* adalah mengandungi batasan untuk membezakan perkara-perkara yang baik ataupun buruk. Dengan erti kata lain, *superego* memiliki peranan yang penting di antara *id* dan *ego*. *Superego* dijadikan penghalang di antara pemikiran yang dikirinkan ke aspek *id* serta memotivasikan *ego* untuk melakukan hal yang menjurus kepada perkara yang bermoral.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Perwatakan Watak Fatin Az-Zahra

Fatin Az-Zahra merupakan seorang watak protagonis dalam novel *Misyar* (2018). Fatin Az-Zahra adalah wanita yang dianugerahi wajah yang cantik dan mempunyai pemikiran yang pintar dan bijaksana. Dia mempunyai kekasih bernama Hakeem Hambali ketika dia masih menuntut di sekolah menengah. Fatin Az-Zahra telah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pembelajarannya di luar negara. Kemudian dia telah bercadang untuk menetap sahaja di kota London oleh kerana mendapat tahu Hakeem Hambali telah berkahwin dengan wanita lain. Oleh sebab itu, Fatin Az-Zahra telah menyimpan dendam terhadap Hakeem Hambali yang telah memungkiri janjinya

Setelah Fatin Az-Zahra menamatkan pembelajarannya, dia telah menjadi seorang wanita jutawan. Dia telah banyak merantau ke negara-negara asing seperti; Dubai, Paris, Sepanyol, Cordoba, Granada, Maghribi dan Istanbul. Suatu hari, dia berhasrat ingin pulang ke bumi Darussalam untuk meminang Hakeem Hambali. Dia kemudian menawarkan dirinya untuk menjadi isteri kedua Hakeem Hambali dengan melakukan nikah Misyar. Lamarannya itu diterima oleh Maria (isteri pertama Hakeem Hambali) setelah Fatin Az-Zahra memberi cek bernilai setengah juta. Usaha Fatin Az-Zahra ingin mendapatkan zuriat bersama Hakeem Hambali terhalang akibat ilmu hitam yang digunakan oleh Maria. Akan tetapi, Fatin Az-Zahra berjaya hamil sepasang anak kembar dengan menggunakan kaedah IVF.

Suatu hari, Fatin Az-Zahra bertengkar besar dengan Hakeem Hambali menyebabkan dia berhasrat untuk melarikan diri ke kota London dan menetap dengan sahabatnya Suhaila. Selama Fatin Az-Zahra menetap di kota London, dia sering merawat kandungannya dengan memakan makanan berunsur organik. Dia juga sering merawat kandungannya dengan membacakan ayat-ayat Al-Quran dan menceritakan kisah nabi-nabi. Setelah lebih kurang tiga bulan dia menetap di kota London, dia berhasrat ingin pulang semula ke bumi Darussalam untuk berjumpa dengan suaminya Hakeem Hambali dan berhasrat ingin melahirkan anak kembarnya di sana. Malangnya, sesampainya di sana dia telah meninggal dunia. Namun, dia telah berjaya melahirkan anak kembarnya dengan prosedur operasi.

Perwatakan Watak Maria (Cindai)

Cindai merupakan seorang watak antagonis dalam novel *Misyar* (2018). Dia berketurunan bangsa Murut dan dilahirkan dalam keluarga yang bermasalah. Cindai digambarkan mempunyai wajah yang sangat hodoh yang diwarisinya daripada wajah ayahnya. Oleh sebab itu, dia tidak suka melihat wajahnya sendiri. Hal ini adalah disebabkan kebenciannya terhadap ayahnya yang sering mendera dan menyakiti ibunya. Ketika Cindai masih berumur lapan tahun, dia telah membunuh ayahnya sendiri kerana dia tidak sanggup melihat ibunya yang diseksa. Dia dijaga di bawah pemeliharaan pusat kebajikan atas kesalahannya sebagai seorang pembunuh cilik. Ketika umurnya mencecah 16 tahun, dia telah memeluk agama Islam dan menukar namanya kepada Maria. Kemudian dia diambil bekerja sebagai pembantu rumah ketika dia berumur 18 tahun di rumah Hakeem Hambali.

Maria terpicik dengan ketampanan anak majikannya iaitu Hakeem Hambali dan berhasrat ingin memilikinya. Dia telah memerangkap Hakeem Hambali dengan menggunakan ilmu hitam sehingga mereka berdua terpaksa berkahwin. Perkahwinan mereka telah menghasilkan dua orang cahaya mata iaitu Azhar dan Azlin. Rumahtangganya mengalami dugaan dengan kemunculan Fatin Az-Zahra yang ingin meminang suaminya sebagai isteri kedua. Identitinya yang pernah menjadi seorang pembunuh cilik terbongkar apabila suaminya ditelefon oleh doktor yang pernah merawatnya dahulu. Watak Maria diakhiri dengan kematian disebabkan oleh sakit dan koma.

Unsur Dendam Watak Utama Wanita

Unsur dendam adalah menjadi kunci utama untuk menghasilkan konflik di dalam novel *Misyar*. Kedua-dua watak utama wanita di dalam novel ini mempunyai unsur dendam yang berbeza. Hal ini disebabkan kedua-dua watak ini mempunyai latar belakang kehidupan yang berlainan. Perbezaan latar belakang kehidupan antara kedua-dua watak ini telah membentuk keperibadian dan personaliti masing-masing. Punca kemunculan unsur dendam dalam kedua-dua watak dapat dilihat melalui penerangan di bawah ini:

Unsur Dendam Watak Fatin Az-Zahra

Titik permulaan perasaan dendam Fatin Az-Zahra muncul daripada perasaan kecewa terhadap watak Hakeem Hambali yang telah memungkirkan janji mereka. Dendam watak Fatin Az-Zahra ini adalah disebabkan oleh aspek janji yang tidak tertunaikan. Hakeem Hambali telah berjanji terhadap Fatin Az-Zahra untuk sentiasa setia bersamanya. Malangnya, ketika Fatin Az-Zahra masih menuntut di London, Hakeem Hambali telah terlanjur melakukan maksiat dan terpaksa berkahwin dengan wanita lain iaitu Maria. Oleh itu, Fatin Az-Zahra berhasrat ingin menunaikan janji-janji tersebut dengan berkahwin bersama Hakeem Hambali. Hal ini dapat dilihat dalam petikan-petikan seperti berikut:

“Aku datang bukan untuk memaafkan tapi untuk menuntut sebuah janji!” tegas Fatin Az-Zahra berbicara.

“Janji?” Hakeem Hambali bertanya bodoh.

“Masa sudah lupa.”

Hakeem Hambali menggeleng-gelengkan kepala. Benar-benar dia tidak ingat.

“Oh, kau benar lupa? Lelaki! Semudahnya mengayat janji rupanya Cuma di bibir saja

tidak sampai pun ke hati....” Fatin Az-Zahra berhenti. Direnungnya lagi lelaki di hadapannya itu. Benarkah dia lupa? Dia berasa marah dan sedih. “Janji di dalam lirik lagu *Serunai Malam* yang sering kaunyanyikan untukku dulu?” katanya.

“Oh, itu yang kaumaksudkan? Maafkan aku.” Hakeem Hambali mengeluh lega.

“Apa itu saja yang mampu kaukatakan? Maaf, maaf. Apa kaufikir pinta maaf itu semudahnya meringankan sakit hatiku selama lebih 20 tahun ini?” Fatin Az-Zahra mendesis bengis.

(*Misyar*, 2018: 105)

“Kita pernah bersumpah akan saling setia dan kini aku mahu kau buktikannya dengan mengahwiniku.” Fatin Az-Zahra berkata biasa-biasa saja.

(*Misyar*, 2018: 111)

Kekecewaan Fatin Az-Zahra ini telah menimbulkan perasaan dendam terhadap Hakeem Hambali. Oleh itu, demi untuk meredakan rasa dendam ini, watak Fatin Az-Zahra berhasrat untuk meminum Hakeem Hambali atas dorongan komponen *id* untuk kepuasan hatinya semata-mata. Pada masa yang sama juga, komponen *ego* dan *superego* juga turut bertindak dalam diri Fatin Az-Zahra iaitu hasratnya ingin mendapatkan Hakeem Hambali adalah dengan cara yang halal dan diterima dalam Islam. Komponen *ego* yang menggerakkan Fatin Az-Zahra untuk mendapatkan Hakeem Hambali adalah dengan pengetahuannya terhadap perkahwinan yang berbentuk ‘Misyar’. Perkahwinan Misyar ini adalah merupakan elemen utama yang membuatkan Fatin Az-Zahra ingin mencapai kehendak dendamnya dengan cara yang tidak melampaui batas nilai-nilai kehidupan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Apakah satu kebetulan? Dulu dia bertekad akan mengubah jalan *hegoupnya* pada usia 40 tahun dan dalam usia ini juga dia ditemukan dengan pernikahan **Misyar** yang seperti memberi dia laluan untuk tindakan seterusnya. Mungkin inilah penamat kepada dendam yang digalasnya bertahun ini. **Misyar** adalah penyelesaian untuk segala permasalahannya selama ini. Dia teringat seseorang pernah berkata tidak ada yang boleh dinamakan kebetulan kerana semua ada dalam rencana Allah Azzawajalla. ‘Ah, anggap saja kebetulan itu salah satu rencana daripada Allah jua. **Misyar** adalah petunjuk Allah!’

(*Misyar*, 2018: 73)

Unsur Dendam watak Maria (Cindai)

Perasaan dendam terhadap watak Maria (Cindai) ini sudah berakar umbi dari semenjak dia kecil lagi. Watak Maria (Cindai) dilahirkan dalam keluarga yang tidak harmonis. Dia juga menyimpan dendam terhadap ayahnya yang merupakan seorang yang zalim dan abusif. Dia amat membenci wajahnya yang mirip dengan wajah ayahnya. Latar belakang keluarganya yang bermasalah ini menyebabkan watak Maria bertindak sangat liar dan bertindak luar daripada nilai-nilai kemanusiaan. Oleh itu, dia sangat membenci dirinya dan kehidupannya yang mendorong timbulnya perasaan dendam terhadap segala yang telah berlaku terhadapnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan-petikan seperti berikut:

Dia tidak dapat merasional bahawa yang dibencinya itu adalah bapa kandungnya sendiri. ‘Tanpa lelaki itu, aku tidak akan menjadi penghuni dunia. Mungkin itu lebih baik,’ alir

fikirnya. Daripada *hegoup* menanggung malu dan derita, lebih baik tidak lahir ke dunia. Dendam dan kesal itu telah lama bertapak di hatinya sejak dia mula mengenal erti sebuah kehidupan.

(*Misyar*, 2018: 86)

Dia sering menampar-nampar wajahnya. Kenapa tidak mewarisi kecantikan ibunya? Berjuta kali sudah soalan itu menerpa di benaknya. Kenapa mesti wajahnya sehidoh manusia yang paling dia benci! Dia marah. Hatinya meruap. Dendam menjadi bangkai kesumat yang bertakung di dasar jantungnya mengeluarkan bau hamis yang menjadi racun di dalam darah dagingnya.

(*Misyar*, 2018: 88)

Oleh yang demikian, watak Hakeem Hambali dijadikan sebagai mangsa terhadap segala tindakan Maria. Inilah cara Maria untuk memenuhi kepuasan terhadap dirinya dan untuk memenuhi kehendak dendamnya. Oleh itu, Maria sering melakukan perkara yang berada di luar batas kemanusiaan. Contohnya, membunuh ayahnya, menggunakan ilmu hitam dan membuat pembedahan kosmetik. Hal ini dapat dilihat melalui petikan-petikan seperti berikut:

Dia berlari cepat mengambil pisau pemotong ikan ibunya. Dia terus meluru ke belakang lelaki yang bergelar bapanya itu dan dia junamkan pisau itu tepat di bahu sebelah kiri menembusi jantung lelaki itu. Bapanya menggelepar ibarat seekor ayam yang disembelih. Matanya yang semerah saga itu terbeliak memandang kepadanya. Mulutnya berbuih dan bernatar darah. Dia mahu mengucapkan sesuatu tapi tidak sempat. Dia tersungkur tidak bernyawa.

(*Misyar*, 2018: 90-91)

Maria teringat tentang hasratnya sejak dia berusia lapan tahun lagi, tentang rahsia yang selama ini kemas disimpan dalam dirinya; tentang ilmu neneknya yang sudah diaplikasikannya, tentang kata-kata neneknya mengikat hingga ke mati.

Semenjak itu dia memasang keyakinan dalam hatinya bahawa suatu hari benda itu akan membantu dan berjasa kepadanya. Dan memang terbukti kebenarannya apabila dia memperoleh seorang suami yang ketampanannya menjadi bualan ramai.

(*Misyar*, 2018: 120-121)

Hakeem Hambali terundur; terbeliak biji mata. “Astaghfirullah! Apa yang sudah kaubuat, Maria?”

“Inilah kejutan yang aku janjikan dan kenapa aku ingin merahsiakannya. Abang terkejutkan?” Ada sesungguhnya senyum manis di bibir Maria kini ranum seranum buah delima. “Kau membuat pembedahan kosmetik?” tanya Hakeem Hambali sambil galak memandang seluruh tubuh Maria yang sudah bukan seperti dulu. Di hadapannya sekarang adalah seorang wanita muda persis seorang bintang filem Korea! Hakeem Hambali beristighfar.

(*Misyar*, 2018: 206-207)

Petikan-petikan dan adegan-adegan di atas menunjukkan bahawa komponen *id* lebih menguasai diri Maria. Adegan ketika Maria membunuh ayahnya menampakkan bahawa komponen *ego* hadir dalam diri Maria. Oleh itu, komponen *id* dalam diri Maria mengarahkan

komponen *ego* untuk bertindak tanpa adanya halangan daripada komponen *superego*. Ini menunjukkan bahawa komponen *superego* tidak bertindak langsung terhadap dirinya oleh kerana desakan komponen *id* iaitu dendam kesumat terhadap ayahnya menyebabkan dia melakukan perkara yang berada di luar batas kemanusiaan. Manakala, adegan yang membuatkan Maria menggunakan ilmu hitam terhadap Hakeem Hambali adalah disebabkan keinginannya untuk membuktikan bahawa hidupnya itu tidak semestinya ditimpa nasib malang sahaja. Dia ingin membuktikan bahawa *hegou*nya itu juga sangat bererti dan berhak menikmati hal-hal yang baik iaitu memperoleh suami yang tampan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan tersebut:

“Kan lebih baik kalau dia juga telah membunuh dirinya ketika kejadian itu, lalu tidak akan lagi merentetkan penderitaan yang tidak perlu,” kata kesat seorang jururawat yang *dego*engarnya. Kata-kata zalim itu sentiasa dipegang dan diingatnya pada hari depan. Kata-kata zalim itu menjadi katalis untuknya setiap kali dia hampir kalah memperjuangkan kehidupan. Dia akan membuktikan kehidupan ini masih bererti bagi insan sepertinya. Dia akan buktikan kepada jururawat itu atau sesiapa saja yang telah memutuskan takdir *hegou*nya bahawa dia masih boleh menjadi manusia yang bererti di sebalik kekurangan yang maha hebat ini. (Misyar, 2018: 92)

Ketika itu ingin benar dia mencari jururawat yang dulu mengungkapkan ayat-ayat kejam itu. Ingin dia tunjukkan kepadanya, lihat aku mampu beroleh jodoh lelaki yang terbaik di daerah itu.

(Misyar, 2018: 94)

Begitu juga dengan tindakan terhadap adegan ketika Maria melakukan pembedahan kosmetik. Aspek utama yang menggerakkan komponen *id* dalam diri watak Maria adalah berpunca daripada aspek dendamnya iaitu kebenciannya terhadap wajahnya sendiri. Oleh yang demikian, hasrat Maria yang ingin merubah wajahnya adalah dengan melakukan perkara-perkara yang diharamkan dalam Islam. Walaupun Maria sudah beragama Islam, namun, ini tidak menghalang dirinya untuk melakukan pembedahan kosmetik. Hal ini disebabkan oleh dorongan komponen *id* lebih menguasai diri Maria yang mengarahkan komponen *ego* untuk bertindak demikian.

Kaitan Konflik dengan Watak Utama Wanita

Unsur dendam ini menimbulkan beberapa konflik. Konflik dalam novel *Misyar* (2018) bergerak disebabkan oleh beberapa dorongan atau sandaran yang menjadi kunci untuk mencapai kepuasan dendam bagi kedua-dua watak. Dendam watak Fatin Az-Zahra dapat ditunaikan dengan adanya sandaran ‘Nikah Misyar’. Nikah Misyar ini menjadi titik permulaan watak Fatin Az-Zahra untuk melaksanakan keinginan dendamnya. Dengan adanya perkahwinan berbentuk Misyar ini, mendorong watak Fatin Az-Zahra untuk menggerakkan plot cerita melalui wujudnya konflik. Manakala, dendam watak Maria berpunca daripada latar belakang keluarganya yang bermasalah. Semua tindakan disandarkan pada keluarganya yang malang. Sandaran masalah atau pengalaman pahit keluarga menimbulkan pelbagai faktor menyumbang kepada dendam dalam diri Maria. Antaranya ialah ayahnya yang zalim, wajahnya yang hodoh dan kehidupannya yang malang. Kesemua ini membantu untuk berfungsi menggerakkan plot cerita melalui konflik yang terwujud. Konflik-konflik yang injin ditonjolkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

Fatin Az-Zahra Ingin Mendapatkan Zuriat

Fatin Az-Zahra berkahwin adalah hanya atas dasar kemahuannya ingin mempunyai keturunan daripada Hakeem Hambali iaitu lelaki yang pernah dicintainya. Pernyataan ini turut disokong oleh data penelitian yang dilakukan oleh Dr. Kartini Kartono (1977: 17-18) yang mengatakan bahawa kebanyakan wanita lebih berkeinginan untuk mempunyai dan melahirkan zuriat berbanding dengan keinginan mereka untuk menjadi seorang isteri. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan watak Fatin Az-Zahra dalam menggerakkan plot dalam novel ini. Justeru, perkara ini dapat dilihat dalam petikan di bawah ini:

“Aku mahukan zuriat darimu, Hakeem Hambali,” kata Fatin Az-Zahra terus terang.
 “Mengapa mesti dariku? Dunia ini tidak kurang lelaki yang aku pasti lebih hebat dari diriku.” Hakeem Hambali berkata dengan nada merajuk.

(Misyar, 2018: 113)

Hasil daripada penjelasan di atas menunjukkan bahawa tindakan watak Fatin Az-Zahra itu berlaku hasil daripada dorongan *ego* dalam dirinya. Dorongan komponen *id* ini adalah keinginannya untuk memperoleh zuriat. Manakala komponen *ego* adalah tindakan Fatin Az-Zahra yang hendak mengahwini Hakeem Hambali. Komponen *superego* juga memerintahkan *ego* untuk memilih hal yang bersesuaian iaitu dengan melakukan cara yang lebih bermoral untuk mencapai keinginan watak Fatin Az-Zahra. Oleh itu, dengan timbulnya ketiga-tiga komponen ini mengarahkan watak Fatin Az-Zahra untuk mencapai keinginannya untuk memperoleh zuriat dengan meminang Hakeem Hambali dengan cara yang halal dan diterima dalam Islam (melalui pernikahan Misyar).

Hal ini juga dapat dilihat ketika watak Fatin Az-Zahra yang sanggup melakukan prosedur IVF (*In-Vitro Fertilization*) untuk mendapatkan zuriat. Fatin Az-Zahra bersetuju untuk melakukan prosedur ini kerana dia belum dapat memperoleh zuriat setelah dua bulan dia sudah berkahwin dengan Hakeem Hambali. Hal ini juga adalah disebabkan ilmu hitam yang telah digunakan oleh Maria supaya Hakeem Hambali tidak akan menyentuh wanita lain. Walau bagaimanapun, Fatin Az-Zahra masih berkeras mahu melakukan prosedur IVF walaupun dia tahu akan mengancam nyawanya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah ini:

“Di dalam sesuatu kehamilan ketidakstabilan tekanan darah sering berlaku di mana ia boleh menaik pada tahap yang merbahaya dan serta-merta. Andai itu terjadi arteri itu mungkin pecah dan besar kemungkinan menyebabkan koma atau kematian.” Doktor Suraya tidak berbasi-basa.

“Jangan hamil. Tapi itu bukan solusi kepada masalah kamu, kan? Sebab kamu memang benar-benar mahu hamil!” ujar Doktor Suraya.

“Benar,” kata Fatin Az-Zahra tanpa mengelipkan mata pun. “Justeru, apa yang wajar saya lakukan?”

“Mengelakkan stress. Stabilkan tekanan darah kamu. Namun, risiko itu masih ada. Bagaimana kalau kamu pulang ke rumah dulu, berbincang mengenainya dan datang bila sudah kamu membuat keputusan?” tanya Doktor Suraya.

“Tidak. Saya tetap akan meneruskan,” suara Fatin Az-Zahra tegas tidak menoleh pun kepada Hakeem Hambali di sisinya.

(Misyar, 2018:160-161)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa keinginan watak Fatin Az-Zahra untuk memperoleh zuriat lebih berkuasa di dalam dirinya. Tindakan Fatin Az-Zahra ini menunjukkan bahawa terdapatnya dorongan *ego* yang lebih menguasai pemikirannya. Dorongan *id* itu adalah keinginannya untuk mendapat zuriat. Akan tetapi, komponen *ego* juga turut hadir iaitu tindakan Fatin Az-Zahra yang ingin melakukan prosedur IVF walaupun dia mengetahui bahawa keselamatan dirinya akan terancam. Namun, komponen *superego* juga hadir ketika watak Fatin Az-Zahra ingin tetap meneruskan keinginannya untuk mendapatkan zuriat dengan cara yang diterima dalam Islam iaitu melalui prosedur IVF.

Maria (Cindai) Ingin Menguasai Hakeem Hambali

Segala tindakan watak Maria di dalam novel *Misyar* (2018) ini lebih kepada menunaikan perasaannya untuk memiliki watak Hakeem Hambali. Perkahwinan di antara Maria dan Hakeem Hambali bukan atas dasar cinta atau kasih sayang. Justeru, perkahwinan mereka hanyalah atas dasar paksaan yang menjadikan Hakeem Hambali sebagai mangsa keadaan. Perkahwinan mereka berdua berlaku adalah hasil daripada ilmu hitam yang digunakan oleh watak Maria terhadap watak Hakeem Hambali. Pelbagai cara yang melampaui nilai-nilai Islam telah dilakukan oleh watak Maria untuk menguasai Hakeem Hambali seperti menggunakan ilmu hitam, membenarkan suaminya berkahwin dengan Fatin Az-Zahra dengan mengenakan syarat (nikah mut'ah) dan membuat pembedahan kosmetik.

Unsur ilmu hitam yang digunakan oleh watak Maria telah menjejaskan hubungan di antara watak Hakeem Hambali dan Fatin Az-Zahra. Hal ini telah menjadikan Hakeem Hambali tidak menyentuh wanita lain selain Maria. Di sini jelas menampakkan bahawa komponen *id* hadir iaitu perasaan ingin menguasai watak Hakeem Hambali. Oleh itu, komponen *ego* dalam diri Maria telah mengarahkan untuk melakukan perkara yang berada di luar batas norma-norma kehidupan iaitu menggunakan ilmu hitam. Selain itu juga, Maria yang membenarkan suaminya berkahwin dengan Fatin Az-Zahra adalah kerana dia tahu suaminya tidak akan menyentuh wanita lain selain daripada dirinya sendiri. Hal yang menjadi punca utama Maria menerima lamaran tersebut adalah disebabkan Fatin Az-Zahra telah menyerahkan cek bernilai setengah juta kepada Maria. Akan tetapi, Maria telah menetapkan syarat supaya suaminya menceraikan Fatin Az-Zahra setelah tamat tempoh enam bulan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah ini:

“Begini saja, aku benarkan abang berkahwin dengannya, tapi setakat dia beroleh anak. Selepas itu abang mesti ceraikan dia. Juga, andainya setelah enam bulan abang berkahwin dan tidak mendapat zuriat abang mesti ceraikan dia,” kata Maria tegas.
“Astaghfirullah! Itu nikah muta’ah, nikah orang syiah. Tidak halal untuk kita Islam Sunni,” kata Hakeem Hambali dengan nada suara keras.

(*Misyar*, 2018: 121)

Namun, hal yang berlaku tidak menentapi apa yang watak Maria inginkan. Fatin Az-Zahra masih boleh hamil walaupun tanpa adanya pergaulan intim di antara suaminya (melalui prosedur IVF). Manakala, perasaan Maria ingin menguasai watak Hakeem Hambali turut dapat dilihat ketika watak Maria yang telah merubah wajah dan tubuhnya untuk menarik perhatian suaminya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah ini:

“Aku buat ini semua untuk abang. Aku tahu abang sakit mata dan hati selama ini kan?” kata Maria

Hakeem Hambali menggelengkan kepalanya. Kelelakiannya mula tersentuh. Dia mencuba untuk menyahkan perasaan itu, tetapi Maria sudah menariknya ke ranjang.

(Misyar, 2018: 207)

Akan tetapi, segala tindakan yang telah Maria lakukan ini memberi kesan yang negatif terhadap dirinya sendiri. Ketika Maria mengetahui bahawa Fatin Az-Zahra telah hamil, ekspresi watak Maria telah membuatkan Hakeem Hambali mengetahui bahawa isterinya Maria telah menggunakan ilmu hitam terhadap dirinya. Oleh itu, ini telah menyebabkan watak Maria bertindak di luar kawalan sehingga dia mencuba untuk membunuh diri. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah ini:

“Dia hamil!?” jerit Maria. “Aku tidak percaya!” Dia menjerit lagi.

“Mengapa? Kau tidak percaya suamimu ini masih mampu menghamilkan seorang wanita lain?” Berpinar mata Hakeem Hambali memandang Maria yang kini sudah dalam keadaan gabraah.

...

“Selama ini kaugunakan ilmu hitam atasku bukan?” Hakeem Hambali mendesis.

“Bukan?” suara Hakeem Hambali mengguntur.

(Misyar, 2018: 210)

“Jangan dekat. Jangannnn!” Maria menjerit lalu mengambil pisau itu dan mengelar pergelangan tangannya di sebelah kiri. Berpercikan darah merah. Maria tersungkur.

(Misyar, 2018:211)

Daripada petikan di atas, menunjukkan komponen *id* terlalu menguasai diri watak. Akibat daripada desakan daripada komponen *id*, komponen *id* telah hadir membuatkan watak untuk melakukan perkara-perkara yang melampaui batas norma-norma kehidupan iaitu membunuh diri. Tambahan lagi, komponen *superego* kurang bertindak dalam diri watak oleh kerana desakan komponen *id* sangat mempengaruhi fikiran watak ketika itu. Segala tindakan watak menonjolkan hadirnya dua komponen dalam teori keperibadian Sigmund Freud iaitu; *id* dan *ego*. Komponen *superego* kurang bertindak dalam diri watak disebabkan komponen *id* lebih menguasai diri.

RUMUSAN

Hasil daripada penelitian, dendam watak wanita sangat bersangkutan-paut. Hal ini kerana dendam watak Fatin Az-Zahra terhasil akibat tindakan Maria untuk mencapai hasrat dendamnya. Watak Hakeem Hambali dijadikan sebagai objek bagi watak Maria untuk melempiaskan dendamnya dengan cara yang melampaui batas kemanusiaan (ilmu hitam). Manakala, watak Fatin Az-Zahra turut menggunakan watak Hakeem Hambali dalam menunaikan keinginan dendamnya kerana dari watak Hakeem Hambali adalah permulaan bagi perasaan dendamnya. Namun, berdasarkan analisis menunjukkan bahawa tindakan watak Fatin Az-Zahra untuk mencapai hasrat dendam tidak melampaui batas nilai-nilai kemanusiaan sebagaimana yang telah dilakukan oleh watak Maria. Perhubungan di antara

Fatin Az-Zahra dengan Hakeem Hambali tidak akan terjejas tanpa adanya kemunculan watak Maria. Terjejasnya perhubungan mereka adalah disebabkan tindakan Maria yang telah memerangkap Hakeem Hambali melakukan perkara haram, iaitu zina. Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh ilmu hitam yang telah digunakan oleh watak Maria terhadap Hakeem Hambali. Oleh itu, perkara ini telah memaksa Hakeem Hambali untuk berkahwin dengan Maria tanpa ada sedikit pun rasa cinta atau sayang terhadap Maria. Akibat daripada perkahwinan itu, maka terhasillah dendam bagi watak Fatin Az-Zahra terhadap Hakeem Hambali. Hal ini jelas menunjukkan bahawa watak Maria telah menjadi peranan utama dalam berlakunya konflik-konflik dalam novel ini. Jika dilihat daripada aspek teori keperibadian Sigmund Freud, ketiga-tiga komponen iaitu; *id*, *ego* dan *superego* hadir dalam watak Fatin Az-Zahra. Manakala, watak Maria lebih menonjolkan dua komponen sahaja iaitu komponen *id* dan *ego*.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali (2011) *Pengantar teori dan kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjong Malim. Persatuan Budiman Malaysia
- Abu Ahmadi. (1983). *Psikologi Umum*. PT Bina Ilmu: Surabaya.
- Che Baharudin, N.A.S., & Hamzah, N. (2022). Struktur Binaan Kerangka Model Emosi Watak Protagonis Wanita Berdasarkan Novel Popular dan Realiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10 (1), 1-14. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/158>.
- Kartini Kartono. (1977). *Psikologi Wanita Jilego II (Wanita Sebagai Ibu Dan Nenek)*. P.T. Alumni: Bandung.
- Helaluddin & Syahrul Syawal. (2018). Psikoanalisis Sigmund Freud dan Implikasinya dalam Pendegoikan. *Research Gate*. Dipetik pada 17 September 2021 daripada file:///C:/Users/Owner/Downloads/Psikoanalisisigmudfreud.pdf.
- Jacobs, M. (1992). *Sigmund Freud*. Great Britian: Billing and Sons Ltd.
- Muhammad Abd. Latif. (1984). Psikologi sebagai Suatu Aliran Kritikan Sastera Masa Kini Suatu Tinjauan Ringkas dalam *Bahana*. Bil. 43, Jilego 19. 33 – 37. Dewan Bahasa dan Pustaka: Bandar Seri Begawan.
- Nancy Chodorow. (1978). *The Reproduction of Mothering: Physchoanalysis and the Sociology of Gender*. Universiti California Press: Berkeley.
- Norsiah Abd Gapar. (2018). *Misyar*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Bandar Seri Begawan.
- Nurazmi Kuntum. (2000). *Memahami Sajak & Novel*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Negara Brunei Darussalam.
- Shahnon Ahmad. (1979). *Gubahan Novel*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Sharyanty Haji Md. Sharif. (2019). *Ginokritik Novel Gerun Karya Norsiah Abd. Gapar*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Bandar Seri Begawan.
- Thomas H. Leahey. (1991). *A History of Modern Psychology*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.